

**PERSEPSI SISWA GURU PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN
TERHADAP KEPENTINGAN KURSUS BINA INSAN GURU DALAM KURIKULUM
PENDIDIKAN GURU DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS
(IPGKIK), KUALA LUMPUR**

*Siti Salmiah Binti Mohd Alias
Unit Kokurikulum,
IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
siti.salmiah@ipik.edu.my; 0123924070
&*

*Rosli Bin Khalid
Jabatan Ilmu Pendidikan,
IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
rosli_khalid@ipik.edu.my; 0173674080
&*

*Mat Johan Bin Mamat
Unit Kokurikulum,
IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
johan@ipgkik.edu.my*

*Zahiah Binti Haris @ Harith
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
IPG Kampus Ilmu Khas
zahiah@ipgkik.edu.my; 0192806870*

ABSTRAK

Kursus Bina Insan Guru merupakan satu kursus wajib bagi siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan yang berada dalam semester lima di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK). Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi siswa guru terhadap kefahaman dan kepentingan kursus Bina Insan Guru di IPGKIK. Dua objektif kajian yang difokuskan dalam kajian ini ialah persepsi siswa guru terhadap kefahaman kursus ini untuk siswa guru dan persepsi siswa guru terhadap kepentingan tentang kursus tersebut. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kualitatif. Kajian ini menemubual seramai enam orang siswa guru semester lima Ambilan Jun 2016 dari Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Hasil temubual akan ditranskrip dan beberapa tema yang berkaitan kajian diketengahkan sebagai dapatan kajian. Dapatan kajian yang diperoleh daripada kajian ini diharapkan dapat menjadi garis panduan kepada pihak berkaitan dalam penyediaan kurikulum yang sesuai dan bermanfaat kepada semua siswa guru.

Kata kunci : Bina Insan Guru, Institut Pendidikan Guru, PISMP, kefahaman dan kepentingan.